

Dimensi Amalan Etika Profesional

SHAMSUDDIN AHMAD, KHAIRUDDIN IDRIS
& AZAHARI ISMAIL

ABSTRACT


A crisis of confidence in the society is partly due to the reason that the society increasingly feels that their interests are not served by the professions. The situation if allowed to continue will not only adversely affect the professions, but will also destabilize the society. This study aims to identify the dimensions of ethical practices among the teaching profession at a public institute of higher learning. Quantitative data were collected from 147 lecturers to determine the basic concept of ethics, while qualitative data were collected through interviews to understand ethical practices. Results from the quantitative study indicate that the respondents opined that ethics can be learned and attitudes were the determinants of ethical practices. Ethical practices were based on spiritual intelligence developed through education at home and the workplace. Qualitative findings showed that the dimensions of ethical practices are founded on religion and values, followed by epistemological foundations and competencies, and practiced through operational and contextual fundamentals. These three dimensions are interrelated and influence each other. Dilemmas on ethical decision making are addressed through strong principles and practiced at each of these dimensions. The implications are directed toward formal and non-formal training of lecturers on spiritual aspects throughout the career of the lecturers.



PENDAHULUAN

Profesional adalah sejenis pekerjaan yang sangat penting. Daripada dahulu hingga sekarang, profesion telah menjadi unsur utama dalam pembangunan sesebuah masyarakat dan negara. Di atas perkhidmatan yang telah disumbangkan, masyarakat dan institusi telah memberi ganjaran sosial dan ekonomi kepada profesion dalam bentuk status dan pendapatan kewangan yang tinggi. Oleh yang demikian profesion perlulah mempunyai satu standard moral yang tinggi (Laninska & Garcia-Lamor 2006). Daripada pandangan masyarakat profesion merupakan pekerjaan yang bersifat alturistik dan perlu sentiasa berusaha untuk





meningkatkan lagi perkhidmatan demi kesejahteraan masyarakat dan negara (Cervero 1988).

Harapan yang diamanahkan oleh masyarakat perlulah dijaga oleh setiap profesi. Profesi tidak boleh leka dan melupakan tanggungjawab atas tersebut dan oleh yang demikian persoalan apa dan bagaimana tidak boleh mendahului persoalan mengapa (de Chambeau 1977). Persoalan mengapa pula berkait rapat dengan etika di mana amalan sesuatu profesion perlulah mengikut etika tertentu. Kod etika yang digubal oleh persatuan-persatuan profesional bertujuan untuk mengawal amalan setiap ahli mereka (Kinchin 2007). Namun begitu kod etika hanyalah menyentuh amalan yang perlu dibuat dan dihindari yang disedari oleh masyarakat dan ianya hanyalah beroperasi di tahap permukaan sahaja. Ia tidak boleh menerangkan dan memahami proses yang dilalui oleh setiap profesional dalam membuat keputusan amalan yang beretika atau tidak beretika (Brockett 1988). Terutamanya apabila profesional menghadapi dilema dalam membuat keputusan. Apakah unsur-unsur yang mempengaruhi keputusan yang dibuat dan bagaimana ianya berkait di antara satu sama lain? Oleh yang demikian tujuan kajian ini adalah untuk memahami dan mengenalpasti dimensi model amalan etika yang dilalui oleh pensyarah. Kefahaman mengenai dimensi ini akan menerangkan dengan lebih jelas proses amalan etika yang dilalui oleh seseorang profesional.



OBJEKTIF KAJIAN




Objektif khusus kajian pula adalah untuk:

1. Mengenalpasti pandangan asas responden terhadap konsep etika yang berasaskan kepada jantina, tempoh bekerja dan bidang kepakaran.
2. Mengenalpasti apakah dimensi yang mempengaruhi proses membuat keputusan yang beretika.
3. Untuk menentukan perkaitan dan interaksi di antara dimensi-dimensi tersebut.
4. Untuk mengenalpasti dilema etika yang dihadapi oleh profesional dalam menjalankan tanggungjawab mereka.

PENDEKATAN KAJIAN

Penyelidikan ini dijalankan melalui dua tahap pelaksanaan iaitu tahap pertama menggunakan pendekatan penyelidikan kuantitatif dan tahap kedua menggunakan pendekatan kualitatif. Data kuantitatif digunakan untuk mendapat






maklumat umum yang berkait dengan pandangan responden mengenai konsep asas dimensi amalan etika. Pandangan ini dibandingkan mengikut jantina, tempoh perkhidmatan, dan bidang kepakaran. Pandangan asas yang umum ini akan dijelaskan dengan lebih mendalam melalui pengumpulan data kualitatif supaya satu model dimensi amalan etika dapat dibentuk.

Perbincangan dalam kertas ini hanya tertumpu kepada tahap pertama pendekatan kuantitatif. Penemuan hanya diterangkan secara diskriptif dan perbandingan untuk menunjukkan pandangan asas responden yang dikumpul melalui borang soal selidik isi sendiri. Penemuan ini hanya menjurus kepada objektif pertama kajian.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini penting dalam usaha untuk mendapatkan maklumat mengenai proses yang dilalui oleh profesional dalam membentuk amalan yang beretika. Dengan mengetahui proses ini maka perancang dan pendidik latihan profesional berterusan sama ada di peringkat sebelum perkhidmatan atau dalam perkhidmatan akan dapat merancang usaha-usaha pembangunan sumber manusia lebih berkesan dengan menekankan isu etika sebagai salah satu daripada kompetensi yang diperlukan. Ini adalah disebabkan kebelakangan ini masyarakat telah tidak begitu yakin terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh para profesional memandangkan terdapat banyak salah laku atau amalan yang tidak beretika yang telah menerap dalam pelbagai profesi (Mohd Tap Salleh 2007: 6). Jika keadaan ini tidak dapat dibendung, profesi tidak akan dapat lagi menjalankan fungsi utama mereka iaitu membantu menjadikan masyarakat dan negara berada dalam keadaan sejahtera.

Kajian ini juga akan menambahkan ilmu dalam bidang pendidikan profesional berterusan terutamanya di Malaysia di mana kajian mengenai etika dalam profesi masih belum banyak diterokai walaupun isu etika telah banyak diperkatakan. Dengan adanya kajian ini, pengkaji dan pengamal dalam bidang pembangunan sumber manusia umumnya diharap akan memberi lebih tumpuan kepada isu etika. Ini akan meningkatkan lagi minat penyelidik lain untuk menjalankan kajian-kajian seterusnya supaya isu etika dapat difahami dengan lebih mendalam. Mengikut Cervero (1995) masalah utama yang berkaitan dengan perkhidmatan profesi kepada masyarakat bukan berpunca daripada kekurangan pengetahuan atau kemahiran, tetapi ia berpunca daripada amalan yang tidak beretika.



LIMITASI KAJIAN

Skop kajian ini hanya ditumpukan kepada satu jenis profesi iaitu profesion pensyarah di sebuah universiti awam. Data kuantitatif dikumpul daripada sampel semua pensyarah di semua fakulti di universiti tersebut. Manakala data kualitatif pula dikumpulkan melalui temubual daripada sekumpulan responden yang terpilih berdasarkan kriteria tertentu. Penemuan dan kesimpulan daripada data kuantitatif hanya boleh digeneralisasikan kepada universiti tersebut dan penemuan dan kesimpulan kualitatif pula hanya merujuk kepada kumpulan responden yang terpilih.

Walau bagaimanapun ciri-ciri profesi di semua universiti awam di Malaysia pada umumnya adalah sama kerana mereka diletakkan di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi dan tertakluk kepada Peraturan Am, Perkhidmatan Awam Malaysia. Oleh yang demikian penemuan dan kesimpulan daripada kajian ini mungkin boleh digunakan bagi kesemua universiti awam di Malaysia.


Oleh kerana kajian ini hanya dilakukan di organisasi awam, ia tidak boleh digeneralisasikan kepada profesi di organisasi swasta. Bukan sahaja konteks yang berbeza, institut pengajian tinggi swasta juga mempunyai matlamat yang tidak sama dengan institut pengajian tinggi awam. Ini membuatkan kajian yang lebih khusus perlu dijalankan kepada universiti swasta untuk melihat dimensi etika pensyarah dalam konteks swasta di institusi mereka.

Kajian ini juga hanya melihat dimensi etika dari perspektif diri pensyarah sendiri. Oleh kerana persoalan etika melibatkan masyarakat umum ia juga harus dilihat melalui kacamata pelanggan. Dalam kes ini pelajar dan masyarakat umum perlu diberi peluang untuk menyatakan persepsi mereka terhadap etika yang diamalkan oleh pensyarah.

Semua kajian mempunyai limitasi samada dari segi teori, metodologi, atau fizikal. Limitasi akan membuatkan kajian lebih mudah diuruskan dan juga lebih fokus. Limitasi boleh diatasi dengan kajian-kajian seterusnya yang dicadangkan oleh penyelidik untuk melengkapkan persoalan sesuatu isu yang dikaji.

SOROTAN LITERATUR

Etika adalah satu perkataan yang tidak asing lagi dalam kebanyakan masyarakat. Dalam dunia profesi, perkataan etika seakan-akan sinonim dengan pekerjaan tersebut dan ia adalah satu perkara yang mesti dipelajari dan diikuti oleh setiap profesional. Namun begitu ia membawa pengertian yang berbeza bagi setiap profesional apatah lagi dalam amalan kerja harian mereka. Perbezaan ini membuatkan sesuatu amalan yang dianggap sebagai tidak beretika mungkin



dianggap sebagai beretika bagi sebahagian yang lain. Begitu juga dengan amalan yang tidak beretika hanya dianggap sedemikian sekiranya ia dapat dibuktikan dengan jelas.

Bahagian ini menerangkan konsep profesion dan konsep etika supaya kedua-duanya jelas apabila digunakan dalam kajian ini. Selain itu ia juga membincangkan isu-isu terkini yang berkait dengan amalan etika atau tidak beretika mengikut pandangan umum.


KONSEP PROFESION

Flexner (1914) telah membincangkan konsep profesion sebagai satu pekerjaan yang penting dalam sesuatu masyarakat disebabkan oleh perkhidmatan yang diberikan tidak dapat disediakan oleh pekerjaan lain. Konsep Statik yang disyorkan kerana sifat-sifat profesion yang tertentu yang tidak dimiliki oleh pekerjaan lain. Mengikut Flexner (1914) sesuatu pekerjaan hanya boleh dipanggil profesion apabila ia mempunyai ciri-ciri berikut: 1) melibatkan operasi intelektual, 2) mempunyai ilmu yang khusus dan berasal daripada sains, 3) melibatkan hasil yang jelas, 4) ilmu tersebut boleh dipindahkan kepada orang lain, 5) perkhidmatan yang diberikan bersifat alturistik, dan 6) ahli profesion mempunyai kecenderungan membentuk persatuan.

Oleh kerana tidak puas hati dengan Pendekatan Statik, Vollmer and Mills (1966) mencadangkan pula Pendekatan Proses. Pendekatan ini memberi tumpuan kepada profesionalisasi di mana ia adalah satu perjalanan menuju ke arah satu tahap yang tinggi. Setiap pekerjaan diukur pada tahap mana pekerjaan tersebut berada dalam perjalanan menuju status profesion yang mutlak. Perjalanan ini tidak statik, ia juga boleh mengundur ke belakang menyebabkan sesuatu pekerjaan menjadi deprofessionalisasi. Setiap pekerjaan perlulah berusaha untuk meningkatkan status mereka.

Profesion juga boleh dilihat melalui pendekatan Sosio-ekonomi. Mengikut Friedson (1986), status profesion ditentukan oleh pemerintah atau masyarakat. Profesionalisasi adalah satu proses di mana pengeluar sesuatu perkhidmatan membentuk dan mengawal pasaran perkhidmatan mereka. Mana-mana profesion yang telah diiktiraf hanya perlu memastikan perkhidmatan mereka berkualiti dan memenuhi keperluan masyarakat dengan demikian profesion tersebut akan mendapat ganjaran status sosial dan ekonomi yang tinggi.

Pada kesimpulannya profesion amat penting dalam sesebuah masyarakat di mana ia seharusnya membantu untuk menstabilkan dan memastikan masyarakat berada dalam keadaan yang sejahtera (Nash 2007). Sebagai ganjaran, masyarakat memberikan ganjaran status sosial dan ekonomi yang tinggi kepada perkhidmatan yang mereka terima dari profesion. Walaupun terdapat sebilangan



kecil masyarakat yang memandang profesion dengan pandangan konflik, pandangan fungsi dan kritis adalah lebih dominan (Cervero 1988; Cervero & Wilson 2001). Ini membuatkan profesion perlu meningkatkan perkhidmatan yang diberikan supaya ianya lebih baik dan diamalkan secara beretika.


KONSEP ETIKA

Etika adalah satu daripada cabang pengajian falsafah yang menumpukan persoalan moral dan moral pula adalah sains berkaitan dengan tingkah laku manusia (Nash 2007). Fagothey (1972) menyatakan bahawa etika adalah satu pengajian berkaitan dengan amalan manusia yang betul dan salah; dan yang baik dan jahat. Konsep etika juga boleh dilihat melalui dua unsur iaitu metaetik dan normatif etik (Reamer 1982). Metaetik melibatkan analisis mengenai definisi dan pengertian terma yang digunakan seperti baik dan jahat, dan betul dan salah. Normatif etik pula melihat kepada aplikasi kod atau standard etika dan nilai sebagai cara untuk menentukan sesuatu keputusan, tindakan, atau gaya hidup samada ianya salah atau betul atau baik atau jahat. Persoalan untuk mengetahui apa yang dimaksudkan dengan betul atau salah adalah persoalan yang berkaitan dengan metaetik, manakala persoalan samada seseorang profesional boleh mengenakan caj bayaran yang tinggi atau tidak terhadap perkhidmatan yang diberikan adalah persoalan yang berkaitan dengan normatif etik.

Konsep etika yang berkaitan dengan amalan profesional lebih menjurus kepada persoalan normatif etik. Ia berbentuk pengetahuan praktikal seperti yang disarankan oleh orang yang pertama mengkaji mengenai etik iaitu Aristotle (Finnis 1983). Dalam kajian ini tumpuan diberikan kepada normatif etik dan bukannya persoalan yang berkaitan dengan persoalan metaetik.

Di negara maju persoalan etika dalam profesion telah banyak diperkatakan. Kebanyakan profesion di negara-negara tersebut mempunyai sistem pendidikan profesional lanjutan yang menekankan isu etika. Sebagai contoh Nash (2007) menekankan pendidikan etika kepada doktor gigi, manakala Bowman, Berman, dan West (2001) kepada pentadbir awam, Winstanley dan Woodal (2004) dalam bidang pengurusan sumber manusia, Loviscky, Trevino dan Jacobs (2007) dalam bidang pengurusan perniagaan, Laninska, dan Garcia-Lamor (2006) dalam bidang pendidikan dewasa, dan sebagainya.

Masyarakat mahukan profesional menjalankan kerja mereka dengan beretika. Ini timbul disebabkan banyak amalan profesional dilihat tidak beretika dan ianya mendatangkan mudarat kepada masyarakat dan profesion itu sendiri. Amalan tidak beretika boleh dilihat sebagai satu kontinum. Daripada kesilapan yang tidak disengajakan seperti terlupa temu janji dengan pelanggan hingga



kepada pelanggaran undang-undang jenayah seperti menggelapkan duit pelanggan atau mencuri.


ISUETIKA

Profesional sebagai pemimpin dalam organisasi berhadapan dengan aktiviti membuat keputusan setiap hari dalam pekerjaan mereka. Keputusan perlulah dibuat secara proaktif di mana refleksi secara kritikal perlu dibuat sambil bertanggungjawab terhadap keputusan tersebut. Dewasa ini saban hari masyarakat melalui media massa dimaklumkan mengenai kesalahan etika yang dilakukan oleh profesi. Ini menyebabkan sebilangan besar masyarakat sudah tidak mempunyai kepercayaan terhadap profesi (Cervero 1988). Krisis ketidakpercayaan kepada profesi ini telah menular hampir kepada semua profesi (Loviscky, Trevino dan Jacobs 2007).

Semenjak akhir-akhir ini terdapat banyak rungutan daripada orang awam yang disebarluaskan oleh media masa berkait dengan amalan yang tidak beretika yang melibatkan profesi utama seperti doktor, peguam, pengurus, polis dan lain-lain lagi. Rungutan yang dibuat mencerminkan kepercayaan awam terhadap profesi makin merosot. Pada pandangan awam terdapat profesi yang selari dengan rasuah, salah guna kuasa, mementingkan diri sendiri dan lain-lain lagi. Di Amerika, profesi peguam telah menjadi gurauan umum dan menjadi jenaka sinis. Ini adalah disebabkan dalam satu kajian yang dijalankan tiga perlima daripada rakyat Amerika menyatakan peguam mempunyai sifat tamak dan hanya satu perlima sahaja yang masih percaya peguam adalah jujur dan beretika atau mengambil berat dan bertimbangrasa (Rhode 2000).

Di Malaysia, walaupun isu mengenai kesalahan etika yang dilakukan oleh profesional banyak diperkatakan tetapi tidak banyak kajian yang dijalankan bagi setiap profesi untuk mendalami isu tersebut. Begitu juga dengan pendidikan etika kepada profesi samada dalam pendidikan di institut pengajian tinggi atau latihan di tempat kerja ia tidak ditekankan dengan serius.

Masalah berkaitan dengan etika adalah sangat penting kerana ia melibatkan orang ramai namun begitu pendidikan dan penguatkuasaan undang-undang dan tindakan disiplin kurang berkesan dan kurang dijalankan kerana masalah mengenai amalan tidak beretika makin bertambah dan makin rumit untuk dicari punca dan penyelesaian. Semua profesional, apatah lagi jika mereka menjadi pemimpin perlulah bertanggungjawab di atas perlakuan mereka supaya ia menjadi standard, *“Once you make a mistake, you must answer for it. In the past, some other leaders took a long time to resign or for the court process to be settled”* (Mohd Tap Salleh 2007: 6).



DIMENSI ETIKA

Penyelesaian masalah yang berkaitan dengan etika tidak semudah dengan membentuk kod etika bagi setiap profesi. Kod etika hanyalah kenyataan peraturan apa yang perlu dibuat dan dihindarkan. Proses bagaimana seorang profesional membuat keputusan berkaitan etika adalah lebih penting. Dimensi etika merupakan proses yang dilalui oleh profesional terutamanya apabila mereka menghadapi dilema dalam membuat keputusan yang berkaitan dengan etika (Brockett 1988).

Mengikut Brockett (1988), terdapat tiga dimensi utama dalam membuat keputusan yang berkaitan dengan etika. Ia bermula dengan sistem nilai yang dipegang oleh seseorang profesional dan diikuti pula dengan pemilihan yang perlu dibuat berdasarkan keutamaan mengikut tanggungjawab yang dipegang. Setelah itu barulah amalan beretika dapat diamalkan dalam bentuk kenyataan seperti kod etika yang dipegang sebagai peraturan untuk mengawal perlakuan setiap ahli dalam satu persatuan profesi.

Winstanley dan Woodal (2004) pula berpendapat dimensi etika dalam profesi yang berkaitan dengan perniagaan pula perlulah berorientasikan kesejahteraan manusia. Dalam konteks ini profesi perlulah menjadikan konsep-konsep yang berkaitan dengan *flexibility, commitment, empowerment* dan *employability* sebagai asas amalan.




METODOLOGI

Bahagian ini menerangkan bagaimana kajian ini dijalankan. Ia termasuklah penerangan mengenai pendekatan kuantitatif, pendekatan kualitatif, populasi dan sampel, instrumen kajian, pengumpulan data, dan analisis data. Untuk menjawab persoalan kajian, dua tahap penyelidikan dijalankan di mana pada tahap pertama pendekatan kuantitatif dijalankan terlebih dahulu diikuti dengan tahap kedua pendekatan kualitatif. Penemuan dan kesimpulan daripada data kuantitatif akan dijadikan asas dan panduan untuk pengumpulan dan analisis maklumat secara kualitatif.

PENDEKATAN KUANTITATIF

Kajian ini tidak menguji hipotesis. Oleh yang demikian pendekatan kuantitatif secara diskriptif digunakan untuk mengenalpasti terlebih dahulu pandangan asas pensyarah terhadap konsep etika dalam pekerjaan mereka. Pekerjaan pensyarah universiti awam dipilih sebagai mewakili pelbagai profesi yang





terdapat di negara ini. Sebagai satu jenis pekerjaan dalam profesion, pensyarah merupakan di antara profesion yang amat penting. Ini disebabkan profesion pensyarah adalah bertanggungjawab dalam mendidik pelbagai profesion di peringkat pendidikan tinggi. Ini disebabkan semua profesional perlu mendapatkan ilmu yang khusus yang diiktiraf daripada institut pengajian tinggi. Sebagai pendidik kepada profesion, pensyarah perlu mempunyai ilmu yang tinggi dan seharusnya menjadi *role model* atau contoh yang terbaik kepada pelajar. Ini membuatkan isu yang berkait dengan etika amat relevan dalam profesion pensyarah.


Sampel pensyarah dipilih daripada sebuah institut pengajian tinggi awam yang mewakili 15 fakulti di universiti tersebut. Jumlah keseluruhan pensyarah adalah seramai 1353 orang dan 20% dipilih secara rawak mudah iaitu seramai 270 orang. Sebagai permulaan borang soalselidik satu mukasurat diedarkan kepada sampel melalui alamat e-mel diikuti dengan peringatan dan seterusnya penghantaran melalui edaran dibuat. Seramai 147 orang sampel (54 %) telah memberikan respon setelah dua bulan tempoh diberikan dan usaha untuk memberi ingatan dijalankan. Borang soal selidik satu muka surat mengandungi soalan demografi, pandangan asas responden terhadap amalan etika pensyarah dan pandangan terhadap unsur asas dimensi etika.

Data dianalisis menggunakan perisian SPSS untuk mendapatkan pengukuran *central tendency* iaitu peratus, min, median, dan *range* manakala interpretasi dibuat secara diskriptif. Ujian t untuk sampel bebas dan ANOVA digunakan untuk membuat perbandingan pandangan responden terhadap konsep asas etika di antara jantina, tempoh perkhidmatan dan bidang kepakaran. Penemuan daripada data kuantitatif ini telah digunakan untuk menjadi asas dalam temubual kualitatif yang akan dilakukan kemudian.

PENDEKATAN KUALITATIF

Untuk mengenalpasti dimensi amalan etika ia memerlukan kefahaman yang mendalam. Oleh yang demikian pendekatan kualitatif perlu dijalankan. Data dikumpul melalui temubual dengan lima orang pensyarah untuk mengenalpasti dan memahami bagaimana keputusan etika dibuat oleh pensyarah terutamanya apabila mereka menghadapi dilema dalam memilih keputusan yang betul.

Pemilihan responden untuk pendekatan kualitatif dibuat oleh penyelidik berasaskan kriteria seperti (1) reputasi responden sebagai pensyarah yang mempunyai integriti yang tinggi, (2) pengalaman minima responden diukur berasaskan sekurang-kurangnya 20 tahun berkhidmat di universiti tersebut, dan (3) responden perlulah secara sukarela untuk berkongsi pengalaman dengan penyelidik.



Data dikumpulkan melalui temubual mendalam dengan menggunakan soalan separa berstruktur. Temubual dirakamkan melalui perakam suara dan dijadikan transkrip secara verbatim. Sebaik sahaja temubual dijalankan dan dibuat transkrip. Data dianalisis untuk mendapatkan tema yang timbul. Analisis primar ini menjadi asas untuk temubual seterusnya dan pengumpulan data diberhentikan apabila tercapainya titik tepu di mana data yang dikumpul tidak menunjukkan penemuan yang baru. Identiti responden dirahsiakan dan nama samaran digunakan untuk mengenalpasti setiap responden. Data temubual yang disimpan dalam pita rakaman akan dihapuskan enam bulan selepas dikumpul.

PENEMUAN

Jadual 1 menunjukkan demografi responden yang terdiri daripada jantina, tempoh perkhidmatan dan bidang kepakaran. Tempoh perkhidmatan dinyatakan dalam kumpulan lima tahun dan pengukuran *central tendency*, manakala bidang kepakaran dibahagikan kepada bidang sains sosial, sains gunaan dan sains tulen.


MAKLUMAT DEMOGRAFI RESPONDEN

JANTINA

Daripada 147 orang responden, 77 (52.4%) terdiri daripada pensyarah lelaki dan 69 (46.9%) terdiri daripada pensyarah wanita. Ini tidak termasuk seorang responden (0.7%) yang tidak menyatakan jantinanya. Penemuan ini menunjukkan jumlah responden lelaki melebihi responden wanita seramai 8 orang sahaja. Ini hanyalah perbezaan yang kecil yang berlaku secara rawak kerana pemilihan sampel tidak mengikut jantina.

TEMPOH PERKHIDMATAN

Tempoh perkhidmatan responden pula menunjukkan kepelbagaiannya yang mewakili satu *range* yang besar iaitu 34 tahun, di mana minima 1 tahun dan maksima 35 tahun. Ini adalah tempoh normal bagi perkhidmatan pensyarah. *Range* yang besar ini menunjukkan kajian ini mengambil kira pandangan daripada pensyarah yang paling junior hingga yang paling senior. Min tempoh perkhidmatan pula terletak di 14.2 tahun manakala median adalah 10 tahun dan mode adalah 5




tahun. Mode menunjukkan terdapat 16 (10.9%) orang responden yang telah berkhidmat selama 5 tahun. Ukuran-ukuran ini menunjukkan responden berada di tahap sedikit rendah daripada tempoh perkhidmatan yang sederhana.

Kumpulan tempoh perkhidmatan yang paling tinggi adalah di peringkat 1 hingga 5 tahun iaitu seramai 41 orang (27.9%) diikuti dengan 6 hingga 10 tahun seramai 34 orang (23.2%). Seterusnya 27 orang (18.4%) responden daripada kumpulan 21 hingga 25 tahun dan 16 orang daripada kumpulan 26 hingga 30 tahun. Responden yang paling sedikit adalah daripada antara 31 hingga 35 tahun iaitu seramai 8 orang. Terdapat seramai 2 orang responden yang tidak menyatakan tempoh perkhidmatan mereka.

JADUAL 1: Demografi responden (N=147)

	Bil.	%	
Jantina			
Lelaki	77	52.4	
Perempuan	69	46.9	
Tiada Jawapan	1	0.7	
Tempoh perkhidmatan			
0 - 5	41	27.9	
6 - 10	34	23.2	
11 - 15	5	3.4	
16 - 20	14	9.5	
21 - 25	27	18.4	
26 - 30	16	10.9	
31 - 35	8	5.4	
Tiada Jawapan	2	1.4	
Min	14.4	Range	34
Mode	5	Minima	1
Median	10	Maksima	35
Bidang kepakaran			
Sains Sosial	53	36.1	
Sains Gunaan	64	43.5	
Sains Tulen	28	19.0	
Tiada jawapan	2	1.4	



BIDANG KEPAKARAN


Daripada sampel responden seramai 147 orang, terdapat 105 bidang kepakaran yang berbeza. Perbandingan mengikut kategori bidang kepakaran pula menunjukkan seramai 53 orang (36.1%) responden mempunyai bidang kepakaran sains sosial, 64 orang (43.5%) dalam bidang sains gunaan dan selebihnya iaitu 28 orang (19%) terdiri daripada pensyarah dalam bidang sains tulen. Terdapat 2 orang responden yang tidak memberikan bidang kepakaran mereka. Ini menunjukkan responden mewakili tiga bidang sains yang utama manakala bidang kepakaran yang paling ramai adalah bidang sains gunaan.

PANDANGAN RESPONDEN TERHADAP KONSEPASAS ETIKA

Pandangan responden terhadap konsep asas etika berpandukan kepada 13 kenyataan yang perlu dijawab dengan menyatakan persetujuan mereka samada 1 = Sangat tidak setuju, 2 = Tidak setuju, 3 = Sederhana setuju, 4 = Setuju, dan 5 = Sangat setuju.

JADUAL 2: Pandangan responden terhadap konsep asas etika (%)

	1	2	3	4	5	Min
Etika amat penting dalam pekerjaan saya	0	0.7	0	12.2	87.1	4.9
Setiap pensyarah perlu mengamalkan amalan beretika	0	0	0.7	12.9	86.4	4.9
Pensyarah perlu bertanggungjawab di atas keputusan yang mereka buat	0	0	0.7	17.0	82.3	4.8
Pensyarah perlu berfikiran kritikal dalam amalan mereka	0	1.4	4.8	27.2	66.7	4.6
Kesan daripada amalan tidak beretika adalah memudarangkan	1.4	2.0	2.7	27.9	65.3	4.5
Saya tidak menghadapi masalah dalam membuat keputusan beretika	1.4	0.7	6.1	40.8	51.0	4.4
Pekerjaan saya banyak melibatkan etika	0.7	2.0	12.9	29.9	54.4	4.4
Amalan beretika boleh dipelajari	1.4	1.4	10.2	41.5	44.9	4.3
Etika bagi pensyarah adalah mudah untuk diamalkan	1.4	9.5	19.7	41.5	27.9	3.9
Pensyarah tidak menghadapi dilema dalam menjalankan amalan beretika	4.1	17.0	25.2	35.4	17.7	3.4




Amalan beretika datang semula jadi	15.6	25.9	25.2	23.8	9.5	2.9
Pekerjaan saya adalah rumit untuk dijalankan	13.6	39.5	24.5	12.9	9.5	2.7
Saya sentiasa menghadapi dilema dalam membuat keputusan beretika	26.5	41.5	13.6	15.0	3.4	2.3

Pada keseluruhannya pandangan responden terhadap konsep asas etika berkait dengan profesi pensyarah adalah mengalakkkan. Majoriti daripada responden bersetuju dengan kenyataan positif yang berkaitan dengan kepentingan dan peranan etika dalam amalan pekerjaan pensyarah. Sebagai contoh responden hampir sangat bersetuju dengan kenyataan ‘etika amat penting dalam pekerjaan saya’ dan ‘setiap pensyarah perlu mengamalkan amalan beretika’ (min 4.9). Begitu juga dengan kenyataan ‘setiap pensyarah perlu mengamalkan amalan beretika’ (min 4.8). Kenyataan-kenyataan lain yang mendapat min melebihi daripada min 4.0 adalah ‘pensyarah perlu berfikiran kritis dalam amalan mereka’ (min 4.6), ‘kesan daripada amalan tidak beretika adalah memudaratkan’ (min 4.5), ‘saya tidak menghadapi masalah dalam membuat keputusan beretika’ (min 4.4), ‘pekerjaan saya banyak melibatkan etika’ (min 4.4) dan ‘amalan beretika boleh dipelajari’ (min 4.3).

Bagi kenyataan negatif pula kebanyakan responden memberi rating di antara tidak bersetuju dengan sederhana bersetuju di mana min bagi jawapan mereka adalah rendah daripada 4.0. Responden didapati menyatakan profesi pensyarah berada di tahap sederhana dari segi dilema dalam membuat keputusan yang beretika. Ia tidaklah begitu merumitkan sangat dan juga tidaklah terlalu mudah untuk membuat keputusan yang beretika. Dilema dalam membuat keputusan masih dirasai tetapi ianya tidaklah begitu serius atau rumit untuk dilaksanakan.

Kebanyakan responden menyatakan bahawa etika tidak datang secara semulajadi. Responden tidak bersetuju (min 2.9) di atas kenyataan yang menyatakan ‘amalan beretika datang semulajadi’. Ini bermakna ia dipelajari dalam kehidupan pensyarah dan ianya boleh dibentuk.

Pada keseluruhannya responden bersepakat bahawa profesi pensyarah memerlukan amalan yang beretika dan ianya adalah penting. Walau bagaimanapun pensyarah tidak menghadapi dilema yang rumit dalam menjalankan amalan yang beretika kerana ini mungkin disebabkan profesi pensyarah melibatkan tanggungjawab dan peranan yang jelas dan tidak mengelirukan. Tambahan pula amalan yang beretika boleh dipelajari dan dibentuk.



PERBANDINGAN PANDANGAN ASAS AMALAN ETIKA

Kajian ini juga bertujuan untuk melihat perbandingan di antara pandangan asas amalan etika di antara jantina, tempoh berkhidmat, dan bidang kepakaran, oleh yang demikian ujian statistik untuk melihat perbezaan di antara padangan tersebut telah dibuat dengan menggunakan ujian t dan ANOVA.

Jadual 3 menunjukkan hasil ujian t bebas untuk melihat perbandingan pandangan responden terhadap konsep asas etika di antara jantina. Pada tahap signifikant 0.05 (5%) didapati nilai signifikant 0.083 adalah lebih besar dan oleh yang demikian tidak terdapat perbezaan pandangan di antara lelaki dan wanita terhadap pandangan asas amalan etika. Ini bermakna faktor jantina tidak mempengaruhi pandangan responden terhadap konsep asas etika.


JADUAL 3: Ujian *t test* perbandingan pandangan lelaki dan perempuan

	<i>t</i>	<i>df</i>	<i>sig. (2-tailed)</i>
<i>Equal variances assumed</i>	1.744	144	0.083

Jadual 4 pula menunjukkan hasil ujian ANOVA untuk melihat perbandingan pandangan responden terhadap konsep asas amalan etika di antara tempoh perkhidmatan dan bidang kepakaran. Bagi tempoh perkhidmatan nilai signifikan (0.209) adalah lebih besar daripada 0.05 begitu juga dengan bidang kepakaran nilai signifikan 0.370 juga adalah melebihi daripada 0.05 . Ini bermakna kedua-dua angkubah tidak memberi kesan kepada pandangan responden terhadap konsep asas amalan etika. Pandangan sampel tidak dipengaruhi oleh tempoh perkhidmatan dan bidang kepakaran.

JADUAL 4: Ujian ANOVA perbandingan pandangan mengikut tempoh perkhidmatan dan bidang kepakaran

	<i>df</i>	F	<i>sig.</i>
<i>Between group</i> (Tempoh berkhidmat)	18	1.284	0.209
<i>Between group</i> (Kepakaran)	18	1.089	0.370




PANDANGAN RESPONDEN TERHADAP UNSUR ASAS DIMENSI ETIKA

Lima unsur asas dimensi etika telah dijadikan soalan kepada responden kajian. Responden diberi peluang untuk menandakan jawapan yang sesuai mengikut pandangan mereka atau menulis jawapan yang lain di ruang yang disediakan dalam borang soal selidik. Pada keseluruhannya dimensi etika bagi profesion pensyarah mengikut pandangan responden terletak dalam diri pensyarah sendiri yang berasaskan kepada didikan agama. Pendidikan yang berkaitan dengan etika datang daripada pendidikan di rumah, tempat kerja, universiti dan sekolah. Bagi soalan yang berkaitan dengan asas etika, majoriti responden (68%) menyatakan agama sebagai asas utama diikuti dengan nilai yang murni (19%) dan falsafah hidup (7.5%). Berkait dengan asas etika ini soalan berikutnya adalah berkait dengan tempat paling penting dalam melahirkan pensyarah beretika. Jawapan yang paling tinggi adalah di rumah (43.5%), diikuti dengan di tempat kerja (30.6%), dan seterusnya di universiti (15.6%).

JADUAL 5: Pandangan responden terhadap unsur asas dimensi etika

Unsur Dimensi	Bil.	%
Asas amalan beretika yang utama		
Agama	100	68.0
Nilai yang murni	28	19.0
Falsafah hidup	11	7.5
Kod etika	7	4.8
Lain-lain	1	0.7
Tempat terpenting melahirkan pensyarah beretika		
Rumah	64	43.5
Tempat kerja	45	30.6
Universiti	23	15.6
Sekolah	11	7.5
Lain-lain	4	2.7
Sebab utama amalan tidak beretika		
Sikap	105	71.4
Kurang pendidikan etika	19	12.9
Lain-lain	12	8.2
Kurang pengetahuan	6	4.1
Kecuaian	5	3.4

**Punca utama amalan tidak beretika**

Diri sendiri	118	80.3
Organisasi	18	12.2
Pelanggan	7	4.8
Lain-lain	4	2.7

Siapakah pengawal utama amalan tidak beretika

Diri sendiri	110	74.8
Tempat kerja	13	8.8
Kerajaan	8	5.4
Persatuan profesional	8	5.4
Lain-lain	6	4.1
Tiada jawapan	2	1.4


Sebab utama amalan tidak beretika pula adalah berkait dengan sikap (71.4%) diikuti dengan kurang pendidikan etika (12.9%). Ini disahkan melalui soalan seterusnya di mana jawapan kepada punca utama amalan tidak beretika adalah diri sendiri (80.3%) diikuti dengan organisasi tempat kerja (12.2%). Untuk mengatasi amalan tidak beretika tiada orang lain yang boleh memberikan kesan yang tinggi kecuali diri sendiri (74.8%) diikuti dengan tempat kerja (8.8%).

Pada amnya dimensi etika profesion pensyarah terletak di bahu setiap pensyarah dan bukannya tanggungjawab pihak luar atau persekitaran. Etika juga berkait rapat dengan sikap. Pembentukan amalan beretika haruslah bermula daripada pendidikan agama dalam membentuk sikap jujur dan bertanggungjawab yang diperolehi daripada didikan dan kawalan non-formal di rumah dan didikan formal dan kawalan di tempat kerja, universiti dan sekolah.

DIMENSI AMALAN ETIKA

Data kualitatif menunjukkan tiga tema utama dimensi yang mempengaruhi amalan etika pensyarah. Dimensi yang menjadi asas adalah bertemakan agama dan nilai di mana ia akan melahirkan dimensi yang kedua iaitu epistemologi dan kompetensi. Kedua-dua dimensi ini akan melahirkan amalan etika yang bertemakan operational dan kontekstual.

Tema dimensi agama dan nilai timbul disebabkan kesemua responden menyuarakan keperluan agama dan nilai sebagai asas kepada setiap manusia atau profesion. Agama dan nilai yang dipegang oleh setiap individu adalah sangat penting sebagai asas kepada perkara yang lain. Tanpa pegangan agama dan nilai yang kukuh, seseorang individu akan terdorong untuk membuat perkara



yang bukan sahaja tidak beretika tetapi yang lebih berat seperti melakukan kesalahan jenayah.

Mengikut seorang Profesor, “Pokok pangkalnya kita kena teguh beriman, kurang iman macam-macam boleh jadi”. “Agama benteng yang kuat menjadi asas kepada amalan kita”, disokong oleh kenyataan responden yang lain yang menyatakan, “Agama atau nilai murni mesti jadi *foundation*...”

Keperluan lain seterusnya dalam dimensi amalan yang beretika adalah epistemologi dan kompetensi. Tema ini merujuk kepada kepakaran bidang yang perlu dipunyai oleh setiap pensyarah. Dimensi ini menunjukkan kekuatan sesuatu profesi adalah terletak kepada ilmu yang dimiliki. Profesi sebenarnya tidak akan lengkap dan pekerjaan tersebut tidak boleh dipanggil profesi sekiranya ia tidak mempunyai satu *body of knowledge* yang khusus dan boleh dipelajari. Ilmu yang perlu dimiliki oleh setiap pensyarah ini perlulah ilmu yang benar yang berasaskan kepada sains hasil daripada penyelidikan empirikal.


“...pensyarah perlukan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang masing-masing” mengikut jawapan seorang Profesor Madya. Seterusnya seorang responden yang lain menyatakan ‘Iman tanpa ilmu tidak boleh pakai.... Pensyarah perlu mahir dan *expert* dalam disiplin masing-masing. Tanpa kepakaran ini macam mana nak beretika?’. ‘Ilmu yang perlu, wajib berasaskan ilmu yang tulen... mesti ada *research*’, ‘Kalau tak buat research macam mana nak generate ilmu?’ tambah dua orang responden yang lain.

Amalan yang dilaksanakan dalam profesi pensyarah adalah dimensi terakhir iaitu dimensi operasional dan kontekstual. Tema ini sama penting dan menjadi puncak kepada amalan etika pensyarah. Ia mencerminkan pensyarah perlu mengikuti persekitaran kerja dan ianya perlu praktikal. Institusi pengajian tinggi awam mempunyai misi, matlamat, dan kod etika tersendiri untuk memastikan pelaksanaan satu sistem pendidikan yang stabil. Keadaan ini mewujudkan satu kontek yang perlu difahami oleh setiap pensyarah. Keberkesanan amalan setiap pensyarah perlulah mengikut dimensi operasional dan kontekstual setiap universiti tersebut.

Mengikut seorang Profesor Madya, “kita kerja dengan universiti jadi perlulah kita mengikuti segala arahan dan peraturan yang ditetapkan”. “Pensyarah tidak akan berkesan kalau buat ikut suka, misi, visi, objektif universiti kena patuh”, sokong seorang responden yang lain. Responden yang lain pula menyatakan “*My practice tu must follow rules... kita mesti co-operate.*”

PERKAITAN DAN INTERAKSI DIMENSI AMALAN ETIKA

Setiap dimensi yang dikenalpasti adalah sama penting dan berkait antara satu sama lain untuk mempraktikkan satu amalan profesi yang beretika. Asas kepada



amalan etika pensyarah adalah dimensi agama dan nilai. Dimensi ini mempengaruhi amalan dan juga ilmu yang digunakan. Secara amnya ketiga-tiga dimensi ini boleh dipaparkan seperti sebuah piramid di mana tapaknya adalah dimensi agama dan nilai diikuti oleh dimensi epistemologi dan kompetensi dan seterusnya di puncak piramid tersebut adalah dimensi operasional dan kontekstual.


Perkaitan dan interaksi ini merupakan kesimpulan hasil daripada penjelasan setiap dimensi yang mempengaruhi amalan etika pensyarah. Namun begitu terdapat juga responden yang menjelaskan perkaitan dan interaksi tersebut dalam jawapan temu bual mereka. Antaranya seorang responden menyatakan “semuanya perlu, berkait antara satu sama lain tak boleh ada satu yang lain tiada, tak lengkap amalan etika tersebut”.

DILEMA DALAM AMALAN ETIKA

Satu tema utama yang timbul daripada persoalan dilema yang dihadapi oleh responden dalam membuat amalan yang beretika adalah penyelesaian naturalistik. Ini bermakna responden tidak mempunyai masalah besar dalam membuat keputusan yang berkaitan dengan etika. Secara semulajadi penyelesaian dapat dibuat secara spontan tanpa banyak pertimbangan yang difikirkan. Secara natural persoalan dilema dapat diselesaikan oleh responden disebabkan kemantapan mereka dalam ketiga-tiga dimensi etika.

Mengikut seorang responden, "...dilema dalam tugas tidak timbul semuanya jelas kalau kita berpegang kepada pendirian kita." Dilema dalam amalan pensyarah tidak menjadi isu yang besar kerana ia dapat diselesaikan secara spontan. Sebagai contoh seorang responden menjelaskan, "Tak susah, macam biasa saya dapat selesaikan dengan terus tanpa merujuk kepada siapa-siapa." Responden yang lain juga menyatakan bahawa "... isu dilema tidak timbul" kerana pekerjaan pensyarah tidak menghadapi banyak dilema yang serius yang memerlukan pensyarah mempunyai kawalan kepada amalan etika mereka. "Kod etika ok, penting. Tapi taklah penting sangat."

Data menunjukkan kesemua lima orang responden mempunyai kekuatan dalam ketiga-tiga dimensi amalan etika. Iman yang kuat ditambah dengan pengetahuan ilmu yang tinggi serta dapat menyesuaikan diri dalam konteks organisasi telah menghasilkan amalan yang beretika termasuklah ketika berhadapan dengan dilema membuat keputusan yang beretika. "Kalau kuat iman dan faham kerja kita, tak ada masalah... kita dah betul", "Itulah sebagai pensyarah kita kena *strong* dalam segalanya kalau tidak boleh rosak iman juga", "... kita kena faham tugas kita dengan siapa?" adalah di antara kata-kata responden yang menunjukkan asas yang kukuh akan menjamin amalan yang beretika.



PENGALAMAN PENGUMPULAN MAKLUMAT


Kesukaran untuk mendapat maklumat daripada persatuan profesional dan profesional sendiri adalah cabaran utama dalam kajian ini. Isu ini dikemukakan dalam kertas ini kerana ia berkait dengan etika. Pada permulaannya kajian ini bertujuan mengumpul maklumat daripada beberapa profesi tradisi seperti profesi kedoktoran, jurutera, arkitek, peguam dan akauntan. Untuk mendapatkan responden kajian, persatuan profesional yang mewakili profesi tersebut telah dihubungi melalui surat dan telefon dan perjumpaan bersemuka untuk mendapatkan kebenaran kajian dan senarai ahli persatuan masing-masing. Walau bagaimanapun setelah tiga bulan usaha dijalankan untuk mendapatkan kebenaran dan maklumat ahli, pasukan penyelidik gagal untuk mendapatkan maklumat tersebut. Ini membuatkan kajian ini hanya menumpukan kepada satu profesi sahaja iaitu profesi pensyarah.

Keadaan ini juga adalah menarik kerana salah satu daripada fungsi profesi pensyarah adalah penyelidikan. Tetapi setelah dua bulan menunggu dan langkah-langkah untuk memastikan pulangan borang soal selidik telah diambil seperti peringatan beberapa kali melalui e-mel dan surat rasmi namun begitu hanya 54% daripada sampel yang memberikan respon mereka kepada soal selidik kuantitatif yang dijalankan. Walau bagaimanapun penglibatan responden dalam temubual kualitatif amat memberangsangkan. Setiap lamaran dan temujanji yang ditetapkan telah dapat digunakan dengan sepenuhnya untuk tujuan pengumpulan maklumat melalui temubual bersemuka. Pemilihan responden dengan menggunakan kriteria tertentu telah dapat memastikan responden yang terpilih adalah dari golongan pensyarah yang mempunyai ciri-ciri amalan beretika.

KESIMPULAN

Profesi pensyarah tidak seharusnya dicemari dengan amalan yang tidak beretika memandangkan kepentingan profesi tersebut dalam mendidik dan menjadi *role model* kepada bakal profesional yang lain. Sekiranya keadaan ini berlaku ia adalah sesuatu yang mengaibkan bagi sesebuah universiti. Universiti perlu bersedia untuk menangani masalah ini dengan lebih berkesan kerana amalan tidak beretika terbukti wujud di setiap institut pengajian tinggi di negara ini.


Ibu bapa mempunyai peranan yang sangat penting dalam mendidik dan menanam amalan beretika bagi bakal profesional termasuklah pensyarah. Walau bagaimanapun tidak kurang pentingnya peranan tempat kerja. Tempat kerja tidak boleh mengabaikan peranan ini. Program perlu diatur untuk meningkatkan amalan beretika bagi pensyarah. Amalan tidak beretika perlu dibendung dan ditangani dengan baik, tidak boleh di lihat dengan sebelah mata.



Implikasinya etika perlu menjadi isu yang utama dalam pembangunan sumber manusia di tempat kerja di samping pengetahuan dan kemahiran. Mengikut Cervero (1995) isu etika menjadi penyebab paling besar masalah dalam perkhidmatan yang diberikan oleh profesion. Tumpuan kepada latihan pengetahuan, dan kemahiran perlu diseimbangkan dengan keperluan untuk membentuk pensyarah yang beretika.

RUJUKAN

- Bowman, J. S., Berman, E. M., & West, J. P. 2001. The profession of public administration: An ethics edge in introductory textbook? *Public Administration Review*, March/April, Vol. 61, No. 2: 194 - 205.
- Brockett, R. G. 1988. Ethics and the adult educator. In R. G Brockett (ed). *Ethical Issues in Adult Education*. New York: Teachers' College, Columbia University.
- Brockett, R. G., & Hiemstra. 2004. *Towards Ethical Practice*. Malabar, Fl: Krieger
- Cervero, R. M. 1995. An overview of continuing education for the professions in the United States of America (USA). Kertas ucapan utama di *Conference on Continuing Professional Development: Towards Effective Practice*. 7 Sept. 1995. UPM, Serdang.
- Cervero, R. M. 1988. *Effective Continuing Education for Professionals*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Cervero, R. M., & Wilson, A. L. 2001. At the heart of practice: The struggle for knowledge and power. In R. M. Cervero, & Wilson, A. L. (eds). *Power and Practice*. San Francisco: Jossey-Bass. 1- 20.
- Fagothey, A. 1972. *Right and Reason: Ethics in Theory and Practice (5th Ed.)*. St. Louis: Mosby.
- Flexner, A. 1915. Is social work a profession? *School and Society*, 1, 901 - 911.
- Finnis, J. 1983. *Fundamentals of Ethics*. Washington, DC: Georgetown University Press.
- Friedson, E. 1986. *Professional Powers*. Chicago: University of Chicago Press.
- Kinchin, N. 2007. More than writing on the wall: Evaluating the role that codes of ethics play in securing accountability of public sector decision-makers. *The Australian Journal of Public Administration*, Vol 66, No. 1: 112 -120.
- Laninska, S., & Garcia-Lamor, J. 2006. Morals, ethics, and integrity: How code of conduct contribute to ethical adult education practice. *Public Organization Review*, 6: 3 - 20.
- Loviscky, G. E., Trevino, L. K., & Jacobs, R. R. 2007. Assessing managers' ethical decision-making: An objective measure of managerial moral judgments. *Journal of Business Ethics*, 73: 263 - 285.



- Mohd Tap Salleh. 2008. Leaser must be whiter than white. *The Sunday Times*. January 6, 2008, Sundary Interview, pp. 6 - 7.
- Nash, D. A. 2007. On ethics in the profession of dentistry and dental education. *European Journal of Dental Education*, 11: 64 - 74.
- Reamer, F. G. 1982. *Ethical Dilemmas in Social Service*. New York: Columbia University Press.
- Rhode, D. 2000. *In the Interest of Justice: Reforming the Legal Profession*. London: Oxford University Press.
- Rhode, D. *Expanding the Role of Ethics in Legal Education and the Legal Profession*. <http://www.law.stanford.edu/faculty/rhode/>.
- Volmer, H. M., & Mills, D. L. (eds). 1966. *Professionalization*. Englewood Cliffs, N. J.: Prentice-Hall.
- Winstanley, D., & Woodal, J. 2004. The adolescence of ethics in human resource management. *Human Resource Management Journal*, 16: 3: 231 - 249.

Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia



